

Headline	Perkhidmatan lebih baik, selesa untuk jemaah haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 Jun 2015	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	24	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	161 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,117
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,351



# Perkhidmatan lebih baik, selesa untuk jemaah haji

**MADINAH** 16 Jun - Lembaga Tabung Haji bersedia menyambut seramai 22,320 jemaah haji dari Malaysia yang akan tiba melalui bandar ini dengan memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan selesa pada musim haji tahun ini.

Konsul Haji Tabung Haji di Madinah, Redhuan Sabaruddin berkata, langkah pertama iaitu urusan kemasukan mereka melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohammad Abdul Aziz di sini dijangka lebih lancar.

Menurut beliau, lapangan terbang yang baharu siap dibina itu menyediakan 'terminal khusus bagi menguruskan jemaah haji termasuk dari Malaysia.'

"Terminal khas jemaah haji yang mempunyai enam pavilion tersebut ditempatkan di lokasi berasingan daripada kaunter-kaunter untuk penumpang antarabangsa serta domestik."

"Kita menjangka penambahbaikan ini akan memberi lebih kesesuaian dari segi pengurusan ketibaan dan pelepasan jemaah," katanya



**HUSSAINI AMRAN**

Melaporkan dari MADINAH



**Kita menjangka penambahbaikan ini akan memberi lebih kesesuaian dari segi pengurusan ketibaan dan pelepasan jemaah."**

**REDHUAN SABARUDDIN  
Konsul Haji Tabung Haji di  
Madinah**

dalam sidang akhbar kepada media Malaysia di sini hari ini.

Redhuan menambah, Tabung Haji juga telah membuat persiapan bagi menguruskan jemaah haji

muassasah dari Malaysia yang tiba dalam empat pusingan tahun ini.

Beliau memberitahu, sebanyak tiga buah bangunan di sini telah dikenal pasti sebagai lokasi penginapan jemaah haji terbabit selama lapan hari sebelum mereka bertolak ke Mekah.

"Bangunan-bangunan tersebut adalah Hotel Al-Haram yang mempunyai 2,500 katil, Hotel Movenpick (1,625 katil) dan Hotel Al-Saha (730 katil)," jelasnya.

Menurut Redhuan, Pejabat Tabung Haji Madinah yang baharu kini beroperasi di bangunan Dar Al-Jefri dan ia turut menyediakan kemudahan rawatan perubatan untuk para jemaah haji Malaysia.

"Jemaah haji juga boleh mendapatkan rawatan perubatan di pejabat-pejabat zon Tabung Haji di Madinah," ujarnya.

Beliau berkata, Tabung Haji turut bekerjasama dengan pihak berkuasa Arab Saudi dan Muasasah Adilla dalam usaha memberi perkhidmatan terbaik kepada para jemaah haji Malaysia.